



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
CAWANGAN SABAH

Wisma PUSPANITA, Jalan Murai, Tanjung Aru,
Peti Surat No. 15311, 88863 KOTA KINABALU.
Tel.: 088-235266/235267 Faks: 088-241266

Rujukan: PCS/PS/100-17/002 Klt. 14 (83)

Tarikh: 14 Disember 2011

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri/Persekutuan
Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri/Persekutuan
Semua Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah dan Daerah Kecil
Semua Pengerusi Jawatankuasa Kecil PUSPANITA Cawangan Sabah

Yang Berbahagia Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Datin/Tuan/Puan

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29 PUSPANITA CAWANGAN SABAH

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PUSPANITA Cawangan Sabah akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 24 Februari 2012 (Jumaat)
Masa : 07:30 Pagi - 01:00 Petang
Tempat : Dewan Bankuasi
Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah
Jalan Sulaman, Teluk Likas
Kota Kinabalu
Pakaian : Seragam PUSPANITA

3. Bersama ini disertakan Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 (Lampiran A) seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan PUSPANITA dan Atur Cara Majlis Perasmian (Lampiran B).

4. Setiap ahli PUSPANITA Cawangan Negeri berhak untuk menghadiri dan bercakap dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan Negeri. Untuk berbuat demikian, ahli-ahli PUSPANITA mestilah menyelesaikan segala yuran keahlian sebelum atau pada hari mesyuarat dengan Bendahari PUSPANITA Cawangan Sabah, Puan Judy Wong yang boleh dihubungi di talian 088-235266/235267/0168360550.

5. Pengesahan kehadiran menghadiri mesyuarat (Lampiran C) hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Urus Setia PUSPANITA **sebelum atau pada 02 Februari 2012**. Sebagai makluman ahli-ahli, kos perbelanjaan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 adalah tanggungjawab ahli sendiri.

...2/-

Rujukan: PCS/PS/100-17/002 Klt. 14 (83)

Tarikh: 14 Disember 2011

6. Ahli-ahli yang tidak mengesahkan kehadiran pada tarikh yang telah ditetapkan iaitu **sebelum atau pada 02 Februari 2012** tidak akan disenaraikan dalam senarai kehadiran. Amatlah dihargai ahli-ahli yang telah mengesahkan kehadiran menunaikan kewajipan mereka untuk hadir.

7. Usul-usul untuk perbincangan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha PUSPANITA Cawangan Sabah (Lampiran D) **sebelum atau pada 02 Februari 2012**.

8. Semua ahli (yang bekerja) yang akan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ini boleh memohon Cuti Tanpa Rekod kepada Ketua Jabatan masing-masing selaras dengan Peraturan 182 Bahagian IV, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan Perintah-Perintah Am dan Arahan Pentadbiran Bab C Perkara 41 bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"
"WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT"

Saya yang menurut perintah



(**HAJAH HABIBAH BINTI DURASIN**)
Setiausaha
PUSPANITA Cawangan Sabah

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 6, Wisma Innoprise
88817 KOTA KINABALU

Pengerusi PUSPANITA Cawangan Sabah

Bendahari PUSPANITA Cawangan Sabah

Lampiran
HHBD/mma

**AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29
PUSPANITA CAWANGAN SABAH**

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat.
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-28.
3. Menerima dan Meluluskan Laporan Tahunan 2011.
4. Menerima dan Meluluskan Laporan Kewangan dan Penyata Kira-Kira yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.
5. Meluluskan Perbelanjaan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan Sabah Ke-30 Tahun 2013.
6. Memilih lapan (8) orang wakil dan tiga (3) orang pemerhati ke Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kebangsaan.
7. Membincangkan usul-usul yang diterima oleh Setiausaha.
8. Penangguhan Mesyuarat.

**ATUR CARA
MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29
PUSPANITA CAWANGAN SABAH
PADA 24 FEBRUARI 2012
DEWAN BANKUASI, BANGUNAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
JALAN SULAMAN, TELUK LIKAS, KOTA KINABALU**

07:30 Pagi	-	Pendaftaran Perwakilan.
08:15 Pagi	-	Ketibaan Dif-dif Undangan.
08:25 Pagi	-	Ketibaan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Hairani binti Hussaini, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Sabah.
08:30 Pagi	-	Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Sukarti bin Wakiman, Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah.
08:35 Pagi	-	Lagu "Negaraku" dan "Sabah Tanah Airku".
08:45 Pagi	-	Bacaan Doa
08:50 Pagi	-	Ucapan Alu-aluan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Hairani binti Hussaini, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Sabah.
09:00 Pagi	-	Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Sukarti bin Wakiman, Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah.
09:15 Pagi	-	Penyampaian Cendera-kenangan.
09:30 Pagi	-	Jamuan Ringan.
10:00 Pagi	-	Perwakilan dan Pemerhati mengambil tempat.
	-	Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 dimulakan.
01:00 Petang	-	Penangguhan Mesyuarat.

Lampiran C

Rujukan:
Tarikh:

Urus Setia
PUSPANITA Cawangan Sabah
Wisma PUSPANITA, Jalan Murai
Peti Surat 15311
88863 KOTA KINABALU

Yang Berbahagia Datin

**BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29 TAHUN 2012
PUSPANITA CAWANGAN SABAH**

Sukacita saya merujuk perkara di atas dan memaklumkan ahli-ahli yang akan hadir ke mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan	*AJK Induk/Ahli Kem/Jab/Agensi
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			
11			
12			
13			
14			
15			
16			
17			
18			
19			
20			
21			
22			
23			
24			
25			

Sekian, terima kasih.

(_____)

*AJK PUSPANITA Cawangan Negeri/Ahli Kementerian/Jabatan/Agensi _____

NOTA:

1. Kembalikan borang pengesahan sebelum atau pada **02 Februari 2012** kepada Pejabat Urus Setia PUSPANITA (No. Faks: 088-241266, e-mel Rohayah.Pawzy@sabah.gov.my, Habibah.Durasin@sabah.gov.my atau DgNoorashikhin.Zulkefli@sabah.gov.my).
2. *Potong yang mana tidak berkenaan

Lampiran D

Rujukan:
Tarikh:

Setiausaha
PUSPANITA Cawangan Sabah
Wisma PUSPANITA, Jalan Murai
Peti Surat 15311
88863 KOTA KINABALU

Puan

USUL MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29 PUSPANITA CAWANGAN SABAH

Sukacita saya merujuk perkara di atas dan mengemukakan usul berikut:-

- 1.1
-
-
-

Sekian, terima kasih.

Tandatangan:

Nama Ahli:

No. Kad Pengenalan:

*AJK Induk PUSPANITA/Ahli Kementerian/Jabatan/Agensi

NOTA:

1. Dikemukakan kepada Setiausaha PUSPANITA sebelum atau pada **02 Februari 2012**

TINDAKAN PEJABAT URUS SETIA PUSPANITA

Tarikh terima usul:

Daripada: